

# DIMENSI DALAM PENDIDIKAN DAN PEMELAJARAN SASTERA

*Mukhsin Ahmadi*

## **Abstrak**

Pendidikan dan pemelajaran sastera melibatkan pelajar, media karya sastera, sarana dan prasarana, guru dan pendekatan serta metodologi. Pemilihan buku sastera, perancangan pemelajaran disesuaikan dengan heterogeniti relatif pelajar dan waktu agar tercapai apresiasi karya sastera yang kritis. Karya sastera yang diprogramkan dipilih atas dasar struktur dengan tema dasar hubungan kemanusiaan, bentuk, dan modus penyampaian romantik, realistik, komik, tragik, dan ironik dengan arahan pada dimensi pemelajaran: pengembangan, tradisi humanistik, dan bentuk.

## **Abstract**

*Literary study in its teaching-learning involved some aspects such as the students, literature's software and hardware, teacher's approach and methods. Selection of literary books, teaching-learning's design and programme must conform with the relative heterogeneity of the students and times to achieve the critical literary appreciation. The programmes of literary education and teaching must be selected on the basis of literary structure with its basic humanistic themes, forms, and modes of expression eagerly romantic, realistic, comic, tragic, and ironic with due to the dimensions of teaching-learning: humanistic development, humanistic tradition, and form.*

## PENDAHULUAN

Pemelajaran sastera, terutama tentang penghayatan karya, tidak dapat dilepaskan daripada aktiviti pemelajaran berbahasa yang meliputi aktiviti: menyemak, berbicara, membaca, dan menulis, termasuk analisisnya yang bersifat kreatif. Lado (1964: 154–165) menyatakan bahawa “Secebis karya ialah sebuah pernyataan berestetika yang unik, tentang sesuatu menerusi bahasa. Untuk menghayati sesebuah karya sastera, perlulah difahami akan bahasa yang menceritakannya, makna budaya yang dikandunginya, dan suasana persekitarannya”. Dengan demikian pemelajaran sastera mengharuskan pertimbangan dari beberapa segi yang relevan iaitu: pengungkapan bahasa, nilai makna kebudayaan dan seni, perkembangan situasi zaman dan masyarakat yang mengelilinginya. Pelajar yang menjadi subjek penghayatan sastera memerlukan latihan penggunaan bahasa sebagai medium seni dan bukan hanya sebagai medium komunikasi ataupun penyampaian yang sederhana, sebagaimana yang dinyatakan oleh Chapman (1973:13): “Kesusasteraan menggunakan bahasa sebagai medium yang artistik, bukan sekadar komunikasi atau pernyataan”. Sebagai medium artistik bahasa, sastera memiliki aspek keindahan intrinsik yang mengundang pemahaman secara kreatif dan juga bermanfaat bagi pembaca.

Pertimbangan lain yang juga sangat penting ialah kesedaran bahawa teks sastera yang akan menjadi bahan dan media pemelajaran itu merupakan hasil karya manusia (sasterawan, para pujangga) yang memiliki sensitiviti yang istimewa terhadap perkembangan bahasa dan kemanusiaan pada zamannya dan menggunakan keterampilan berbahasa yang luar biasa untuk menegakkan visi mereka terhadap kehidupan, yang menjadi fokus perhatian dan keprihatinannya. Dalam pandangan Chapman (1973:5) para sasterawan itu telah memanipulasikan secara positif akan potensi bahasa sedemikian rupa untuk menjadikannya artistik berisi serangkaian pengalaman dan penafsiran yang unik. Oleh itu pemelajaran sastera merupakan kegiatan profesional para guru untuk memberi kemudahan kepada para pelajar dengan keterampilan metodologi yang dapat menghubungkan mereka untuk menerima dan menjelaskan keunikan sastera tersebut, termasuk nilai estetika bahasa dan nilai kemanusiaan yang dihayati.

Dalam hal tersebut apabila aktiviti pendidikan dan pengajaran bahasa ingin mendapatkan identitinya sebagai suatu pengalaman, maka aktiviti itu perlulah dilaksanakan melalui program yang berpusat dan berteraskan kesusasteraan. Pengurangan penekanan pada pendidikan sastera akan menjadikan pendidikan bahasa sebagai hanya mementingkan pragmatik daripada keindahannya. Dengan mementingkan pragmatik daripada keindahan maka

akan terhapuslah hak pelajar daripada hubungan yang sebenarnya dengan tradisi dalam kreativiti berbahasa dan bersastera.

Oleh sebab itu apabila kita berbincang tentang pendidikan dan pengajaran sastera di sekolah maka semestinya pendidikan dan pemelajaran sastera tidak hanya mencakup keterampilan membaca, menggemari buku sastera, ataupun pengenalan dan penerimaan penuh tradisi sastera. Malahan ini merupakan suatu kesinambungan tanggungjawab profesional para guru dalam strategi pengajaran dalam program pendidikan dan pemelajaran sastera. Peranan guru menjadi sangat penting bermula dari penyusunan program dan perencanaan pengajaran sehinggalah kepada pengelolaan kelas dengan pilihan buku yang melibatkan penelitian pandangan masyarakat, dan kebijaksanaan pemerintah yang memiliki visi dalam memajukan peradaban bangsa.

## STRUKTUR PENGAJARAN SASTERA

Kajian sastera kebangsaan yang difokuskan bagi pendidikan dan pengajarannya di sekolah diharapkan dapat memperkaya pengalaman berbahasa dan memperindah pengalaman hidup, dan bermakna melalui penghayatan imaginasi, dan perenungan tentang kemanusiaan dan kebudayaan dalam manifestasi bahasa sastera. Guru bahasa dan sastera adalah penjaga gawang kebudayaan yang akan membawa pelajar masuk ke dalamnya, dan selanjutnya memandu bersama-sama dengan mereka dalam melakukan penghayatan dan pengembangan. Guru sastera sentiasa perlu memadukan realiti dengan praktis dan idealisme secara harmonis. Kemampuan praktisnya harus dapat memahami kepelbagaian relatif individu pelajar dan melakukan tawar-menawar pemelajaran secara realistik. Idealismenya akan memantapkan tumpuan yang terpusat pada hakikat dan fungsi sastera sebagai suatu realiti.

Sejak terbitnya buku Jerome Bruner, 1960, *The Process of Education*, (Burton, 1986:3) di negara Barat telah banyak dibincangkan tentang struktur disiplin ilmu dan mata pelajaran di sekolah. Dalam hal ini para sarjana kesusasteraan bersetuju bahawa struktur sastera bagi keperluan pendidikan perlu berdasarkan tema yang selalu berulang pada waktu tertentu, modus penampilannya, dan pada ragam bentuk atau genrenya. Tema yang selalu berulang itu memang tidak persis sama, namun karya sastera sepanjang masa telah dikenal pasti penting sekali dengan empat jenis hubungan asas kemanusiaan iaitu (1) manusia dengan Tuhan, (2) manusia dengan manusia, (3) manusia dengan alam, dan (4) manusia dengan hati nuraninya sendiri. Keempat-empat asas hubungan kemanusiaan inilah yang dianggap sebagai

tema asas yang memberi struktur kepada pembelajaran kesusasteraan.

Sementara itu empat modus penampilan dasar sastera juga sudah dikenal pasti iaitu: (1) romantik, (2) komik, (3) tragik, dan (4) ironik (Frye, 1982: 15). Keempat-empat aspek tema utama tersebut dapat diwarnai oleh modus tersebut yang mana pun juga dan dengan modus lainnya misalnya modus realistik. Begitu juga setiap genre sastera: (1) puisi, (2) prosa fiksiyen, dan (3) drama dapat saja dipaparkan ke dalam salah satu daripada keempat-empat tema utama dan lima modus penampilan tersebut. Berdasarkan struktur tersebut dengan mengambil kira penyediaan waktu pembelajaran di kelas, dan keadaan sosiobudaya pelajar, maka dapat dilakukan pemilihan secara spesifik terhadap buku sastera di sekolah sebagai bacaan utama dalam perancangan dan program pembelajarannya.

Menurut Burton (1986:3) perencanaan program pembelajaran sastera pada peringkat sekolah menengah mana pun (usia 12 – 18 tahun) dapat diasaskan pada struktur tersebut untuk didefinisikan pada (1) dimensi pengembangan, (2) dimensi tradisi kemanusiaan, dan (3) dimensi bentuk. Dalam garis kasarnya, dimensi pengembangan sangat memerhatikan peranan sastera dalam memberi kenikmatan dan keinsafan kepada individu melalui pengalaman hidup. Dimensi tradisi kemanusiaan pula sangat memerhatikan peranan sastera dalam membawa pelajar remaja ke dalam hubungan dengan suatu tradisi budaya. Dimensi bentuk sangat berkepentingan dengan pemahaman genre sastera dan pengembangan keterampilan dalam membaca dan menikmati bahasa sastera, serta memahami makna tersurat ataupun tersiratnya, denotatif dan konotatifnya dalam struktur genrenya masing-masing.

## **DIMENSI PENGEMBANGAN**

Teks sastera sebagai medan pembelajaran membaca yang menyenangkan mempunyai fungsi kejiwaan dalam meredakan ketegangan dan membebaskan pembaca dari rutin kehidupan yang sering kali membosankan, sehingga fungsi ini disebut fungsi pelarian, atau mengisi kekosongan waktu dengan pencarian dan penemuan nilai dan kebermaknaan tertentu yang secara skematis tersedia dalam teks tersebut. Dan ini hanya mungkin terjadi apabila teks sastera itu merupakan sebuah model, sebuah dunia alternatif dari dunia nyata untuk lebih memahami kehidupan (Kayam, 1997: vii), dan melalui penonjolan sastera pembaca menginginkan atau dapat memperluas pengalaman sebenarnya. Pembaca mempunyai hak mengembangkan penafsirannya atas skema sastera sebagai objek artistik dengan arahan dan bimbingan guru.

Dalam fungsi memperluas pengalaman, sastera menyediakan bahan mimetik yang memberi kesempatan kepada pembaca, terutama remaja usia pengembangan, untuk mengenang sesuatu yang pernah atau sedang dialaminya yang dimotivasikan oleh sastera, untuk membayangkan sesuatu dan merasakan secara imaginasi akan sesuatu yang kelak dialaminya sebagai manusia dewasa baik secara psikis biologis mahupun secara psikis sosial. Bagi pembaca remaja, sastera dapat memberi alternatif pendorong untuk membangunkan pendirian identiti dirinya dan diam-diam bertekad memperjuangkan cita-cita dirinya menjadi manusia dewasa yang mempunyai kemampuan dan berperanan dalam masyarakat. Dengan demikian sastera berfungsi sebagai persiapan mental untuk pengalaman yang nyata dalam kehidupan.

Di samping itu, sastera dapat dinikmati juga kerana potensi binaan bahasanya secara khas. Pilihan kata dan susunan strukturnya yang artistik memberi gambaran tertentu dalam angan-angan tentang irama dan muzik kehidupan. Dengan demikian kesedaran terhadap bentuk dan irama kehidupan dapat diselitkan dalam pendidikan dan pemelajaran sastera. Pengalaman imaginasi sebagai mimetik terhadap dunia nyata betapa pun kadarnya dalam buku novel ataupun cerita pendek remaja dan puisi berguna bagi dunia remaja. Selanjutnya para pembaca remaja di sekolah menengah rendah dan menengah atas itu juga telah mula menjalin hubungan dengan karya sastera yang lebih signifikan pada tahap berikutnya, apabila sekolah dan gurunya menyelenggarakan pendidikan dan pengajaran itu dengan baik dan profesional.

Memandangkan karya sastera itu sebagai pemaparan pengalaman hidup secara artistik, maka sastera dapat memberi dimensi yang penting terhadap kematangan berfikir, dan sastera juga dapat secara fleksibel memberi kesedaran tentang keadaan dan situasi kemanusiaan yang ada kalanya suka dan ada kalanya duka, ada kalanya cemas dan ada kalanya penuh pengharapan, yang semuanya menjadikan manusia semakin bijak. Sastera dapat menghadirkan suatu aspek yang penting, melalui retorikanya, yang tidak mungkin diberikan oleh wacana surat khabar ataupun siaran televisyen yang biasanya mengutamakan kehidupan nyata.

Kuncinya terletak pada model bahasa mimetik sastera yang dapat menciptakan dunia alternatif untuk memahami kehidupan dengan lebih baik melalui pengalaman imaginasi (Burton, 1964:4), iaitu suatu pengalaman perwakilan melalui kegiatan membaca yang membangun rujukan dan imej tertentu yang mendatangkan kesenangan yang berubah-ubah, berganti-ganti secara mengasyikkan sebagaimana yang dikatakan oleh Hook:

“Secara imaginasi, seseorang dapat mengembara di dasar laut dengan Jules Verne puluhan tahun sebelum kapal selam yang pertama dihasilkan”. Melalui imaginasi, seseorang dapat menjejak sesebuah kawasan yang belum pernah dilihat meskipun dengan kapal terbang zaman ini. Secara imaginasi seseorang dapat kembali ke zaman silam dan hidup sebagaimana yang pernah dialami oleh nenek moyangnya. Keseronokan sastera kebanyakannya daripada pengalaman imaginasi seperti itu. Pengalaman sedemikian dapat membantu keseronokan yang serba boleh. (Hook, 1982:126). Dalam hal ini, Hook memberi penekanan pada aspek “menyenangkan” bacaan sastera, kerana potensi artistiknya.

Selanjutnya secara ekstrinsik dimensi pengalaman dalam pembelajaran sastera dapat membangunkan kesedaran/keinsafan pengalaman hidup yang mencakupi: (1) kesedaran tentang kompleksnya sifat/tabiati manusia, (2) kesedaran tentang pemupukan nilai, (3) kesedaran tentang kebermaknaan dan keindahan kehidupan sehari-hari, dan (4) kesedaran tentang drama kehidupan. Teks sastera yang baik mempunyai kemampuan yang unik dalam mengungkap hakikat pengalaman hidup. Novel, cerita pendek, puisi, ataupun drama dapat membantu pembaca remaja dalam membentuk identiti diri dan mengembangkan sahsiah melalui kajian tema, mimetik kehidupan, dan tokoh cerita dalam konteks motivasi hidup manusia yang disusun dalam bahasa yang artistik.

### **Kesedaran tentang Sifat Manusia yang Kompleks**

Perkembangan anak secara fundamental pada hakikatnya mencakupi pengembangan pemahaman tentang watak dan sifat manusia. Watak dalam cerita fiksi (novel, cerita pendek, drama) merupakan gambaran tentang betapa kompleksnya motivasi (keinginan) manusia itu mengenai keberanian dan kejujuran tentang mesej moral tentang kebenaran dan kebajikan yang sering kali bertembung dengan kepengecutan dan kecurangan ketika berhadapan dengan kepentingan diri sendiri dan masyarakat.

### **Kesedaran tentang Pertembungan Nilai**

Sastera sebagai suatu bidang kajian amat berkaitan dengan nilai kemanusiaan. Dalam hal demikian remaja (usia 12–18 tahun) mulai memasuki kesedaran yang sering kali membingungkan mereka mengenai masalah tidak penting yang mendesak manusia. Dalam kajian sastera pertanyaan yang sentiasa diajukan ialah: Bagaimana hidup yang baik itu? Apakah yang semestinya boleh atau tidak boleh dilakukan dalam hidup? Untuk siapa

dan kenapa manusia hidup?

Suatu ketika karya sastera tempatan mungkin menjadi kerdil untuk menyediakan keperluan tersebut, maka diperlukan sastera terjemahan, atau menggunakan sumber cerita rakyat, misalnya kisah pahlawan Melayu: Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, atau sastera daerah lainnya dalam rumpun Melayu.

Dalam hal sastera menampilkan pemberontakan manusia melawan beberapa nilai dari adat istiadat atau budayanya sendiri, misalnya yang berkaitan dengan sistem pendidikan ortodoks dalam ajaran keyakinan agama dalam pemelajaran ini, dapat digunakan puisi kritis atau protes dalam kemasan bahasa yang indah, misalnya puisi Chairil Anwar: *Sorga*, 1947.

Sorga

buat Basuki Resobowo

*Seperti ibu + nenekku juga  
tambah tujuh keturunan yang lalu  
aku minta pula supaya sampai di sorga  
yang kata Masyumi + Muhamadiyah bersungai susu  
dan bertabur bidari beribu*

*Tapi ada suara menimbang dalam diriku,  
nekat mencemooh: Bolehkah kiranya  
berkering dari kuyup laut biru,  
gamitan dari tiap pelabuhan gimana?  
Lagi siapa boleh mengatakan pasti  
di situ memang ada bidari  
suaranya berat menekan seperti Nina, punya kerlingnya Yati?*

Dalam sebuah monograf *Freud and the Crisis of Our Culture*, Lionel Trillip berkata bahawa: *The Function of Literature, through all its mutations, has been to make us aware of the particularity of selves, and the high authority of self in its quarel with its society and its culture* (Burton, 1986: 9). (Bahawa fungsi sastera melalui semua mutasinya telah membuat kita sedar akan pentingnya keperibadian, dan kekuasaan dalam perselisihan dengan masyarakat dan kebudayaannya).

Untuk kajian model protes semacam itu, dengan bahasa yang lebih jelas dalam menyatakan permasalahan, dapat difungsikan misalnya puisi Emha Ainun Nadjib: *Aku Sering Enggan*, 1977 berikut:

Aku Sering Enggan

*Aku sering enggan  
Ikut ramai-ramai sembahyang*

- *Sebab sehabis mengucapkan akhir salam  
Orang bergegas pulang  
Tak ada suasana pergaulan  
Dengan Tuhan  
Tak ada kesan bahawa ke masjid  
lalah bertamu dan bersujud  
  
Aku sering enggan  
Ikut ramai-ramai sembahyang  
Sebab ia menjadi satu-satunya ukuran  
Baik buruk dan iman seseorang*

Penghayatan terhadap bahasa puisi tersebut hanya dapat dilakukan oleh pembaca yang dalam pengalaman hidupnya mengenal fungsi masjid dan pengalaman diri yang kritis terhadap kebiasaan dalam hidup beragama, tetapi hambar kerana tanpa perenungan mengenai hakikat solat berjemaah di masjid. Ragam model dan bidang lainnya dapat diupayakan sesuai dengan situasi dan keadaan pembelajaran dan pengalaman hidupnya.

Variasi bacaan yang terpilih untuk bahan pembelajaran dengan tema-tema kompleks tentu dapat pula diberikan melalui jenis prosa fiksi: novel, cerita pendek, atau drama. Untuk anak-anak remaja sekolah menengah mungkin dengan prosa fiksi lebih jelas kerana ada tokoh-tokoh berkeperibadian yang mengalami konflik dibanding permasalahan "Aku-lirik" (the poet's I) dalam puisi yang dinyatakan dalam bahasa yang sangat padat dengan pola-polanya yang khas (Kennedy, 1966: 10). Namun menggunakan puisi sebagai media pembelajaran juga mempunyai manfaat khusus terutama dalam hal penghayatan bentuk-bentuk bahasa, diksi, dan bunyi (prosodi), serta irama bahasa yang dapat mendatangkan kenikmatan tersendiri. Selain itu juga dapat membawa pelajar pada kesedaran bahawa bahasa adalah sarana yang paling dekat dengan manusia untuk dapat menciptakan karya seni yang akan memperkaya khazanah budaya dan peradaban bangsa, dan menghaluskan fikiran dan perasaan mereka.

Meskipun kedua-dua puisi tersebut telah menampilkan protes yang menggambarkan pertembungan nilai, dengan wibawa peribadi yang tinggi, dalam mempertahankan masyarakat dan budayanya, untuk kalangan remaja masih diperlukan bacaan yang lebih mencerminkan situasi dunia remaja yang lebih realistik; misalnya pada novel atau cerita pendek yang menampilkan kejadian yang tokohnya lebih kurang sama dengan diri dan dunia mereka, yang dalam proses pembentukan peribadi bertembung dengan permasalahan yang memerlukan tenaga dan akal budi yang berlangsung dan berakhir secara heroik.



### **Kesedaran tentang Makna dan Keindahan dalam Kehidupan Sehari-hari**

Ukuran kematangan berfikir antara lain terletak pada kemampuan menginderai dan menghayati makna dan keindahan dalam kehidupan sehari-hari. Prosa dan puisi naratif dapat menggambarkan pemandangan, pandangan, dan makhluk dalam kehidupan sehari-hari, menandakan adanya makna dalam kehidupan yang terkemas dalam lambang-lambang verbal yang bagus yang memerlukan perenungan untuk memahami makna atau hikmahnya seperti pada *Stanza* oleh W.S. Rendra (1961:62) berikut:

#### Stanza

*Ada burung dua, jantan dan betina  
hinggap di dahan.  
Ada daun dua, tidak jantan tidak betina  
gugur dari dahan.  
Ada angin dan kapuk gugur, dua-duanya sudah tua  
pergi ke Selatan  
Ada burung, daun, kapuk, angin, dan mungkin juga debu  
mengendap dalam nyanyiku*

Pemelajaran bahasa dan sastra yang mampu mengiris potensi bahasa, pada leksisnya, pada aspek bunyi dan nuansa rujukannya dalam penjelasan dan pemaparan sesuatu sangat diharapkan. Pada umumnya guru bahasa dan sastra telah banyak bekerja bersama-sama pelajar untuk menghidupkan dan memberi isi pada kata-kata umum yang kosong dan klise, untuk menceritakan setepat-tepatnya sesuatu dari kehidupan sehari-hari menjadi lebih bermakna dan indah dirasakan. Apa yang dilakukan oleh Rukmini, guru bahasa dan sastra Indonesia SMUN-1 Tanjungpandan, Belitung sangat positif: "... saya selalu mewajibkan kepada pelajar untuk membaca buku-buku sastra dan membuat laporan ... Saya juga menugaskan mereka untuk menulis puisi atau cerpen. Untuk kegiatan ini ada beberapa pelajar yang memiliki potensi dan perlu bimbingan intensif untuk kreativiti mereka." (Horison, XXXV/5/2002:19). MarthaYT, salah seorang pelajar/sekolah tersebut, telah menulis sebuah puisi berjudul *Penantian* yang diterbitkan dalam majalah tersebut.

#### Penantian

*Kesunyian malam  
jeritan jangkrik  
nyanyian raja malam  
menghiasi gelapnya hati*

*Tanpa cahaya, tanpa suara  
langkah-langkah kaki  
menapak kesunyian hati*

*Wahai raja malam  
teganya kau  
Hai puteri malam  
tampakkan dirimu dengan kilaunya*

*Raja malam yang dinanti  
tak kunjung menampakkan tandanya  
Oh, raja malam  
Siapa aku ?  
Puteri, ratu atau serpihan kaca  
Yang mengharap dirangkai kembali*

Sebagai karya pelajar SMU (Sekolah Menengah Umum), puisi ini cukup bagus dalam latihan mengolah bahasa untuk mengungkapkan pengalaman batin cinta platonisnya, yang dibangun dengan suasana malam yang dihayatinya sebagai keindahan tersendiri dalam mendukung harapannya.

Demikianlah salah satu tujuan kajian dan pembelajaran sastra yang lebih khusus adalah untuk menanamkan keyakinan diri tentang kebenaran pernyataan John Ciardi, *The Morality of Poetry*, 1957: "Bahawa segala sesuatu yang tampak bermakna adalah bermakna. Dan kebermaknaan itulah yang mengajarkan kita sesuatu tentang kemampuan hidup kita. Fungsi dari selok-belok sesuatu apabila diatur oleh suatu imaginasi manusia adalah untuk melukiskan alam semesta."

### **Kesedaran tentang Tragedi Kehidupan Manusia**

Pada dimensi ini sastra menyediakan kesempatan bagi pembacanya untuk menyadari bahawa kehidupan memerlukan perjuangan, yang pada garisnya yang manusiawi adalah untuk meningkatkan harkat dan martabatnya. Permasalahan yang timbul adalah kerana perbezaan pandangan dan kepentingan-kepentingan yang membentang dalam pergaulan antara manusia dan manusia dalam kehidupan sosial. Sastra memainkan peranan bahagian penting dalam pengembangan kesedaran tentang perjuangan manusia untuk kesejahteraan hidupnya, namun bagaimana jika dalam sebuah cerita fiksiyen tergambar refleksi penderitaan orang lain yang terkena pukulan penderitaan yang menyedihkan atau tragis? Nuansa kepiluan, keharuan, kesedihan, ketakutan atau apa yang disebut tragedi akan dapat difahami pelajar melalui teks sastra, bahawa sastra cerita (prosa naratif) atau bentuk drama dan

puisi naratif dapat menyediakan gambaran tragedi kehidupan manusia tersebut secara artistik dan mengasyikkan.

Pengertian tragedi dalam kehidupan yang sebenarnya, tidaklah sama dengan konsep tragedi dalam ilmu sastera (prosa fiksiy novel, cerpen, atau drama). Dalam drama ataupun novel, dan mungkin juga cerita pendek, tragedi merupakan suatu model atau jenis genre yang berkaitan dengan prinsip *catharsis*, iaitu masalah psikologi penonton atau pembaca untuk mencapai penjernihan jiwa dan mengakibatkan perasaan puas atau senang disebabkan oleh suatu mekanisme dalam cipta sastera. Teori ini dikemukakan oleh Aristotle yang menggunakan istilah *techne* yang bermuara pada *catharsis*. Para ahli estetika moden menyebutnya. (Golden, 1981:115–117). “Para ahli estetika moden dapat berkata bahawa suatu karya seni sangat berhasil apabila menghasilkan “koherensi” dan bahawa penemuan “koherensi” ini merupakan kegembiraan estetik yang utama.”

Demikianlah teks sastera yang merefleksikan tragedi kehidupan yang dapat diperoleh daripada puisi, cerita fiksiy (novel, cerpen), atau drama. Misalnya gambaran tragedi akibat pembunuhan dalam puisi W.S. Rendra: *Pisau di Jalan* (1961:108) berikut:

Pisau di Jalan

*Ada pisau tertinggal di jalan  
dan mentari menggigir atasnya  
Ada pisau tertinggal di jalan  
dan di matanya darah tua.*

*Tak seorang tahu  
dahaga getir terakhir  
dilepas di mana:*

*Tubuh dilumpuhkan  
terlupa di mana.  
Hari berdarah terluka  
dan tak seorang berkabung*

*Ajal yang hitam  
tanpa pahatan  
Dan mayat biru  
bakal dilupa.  
Tanpa siraman.  
Tanpa buah-buah lerak  
kulitnya merut berdebu.*

*Awan yang laknat  
dengan maut-maut di kantongnya  
melarikan muka*

*senyum laknat sendirinya.  
Ada pisau tertinggal di jalan  
Dan mentari menggigir atasnya.*

Suasana kekejaman, kengerian, dan ketidakpedulian tergambar dalam huraian mimetik suatu suasana tragedi kehidupan yang dikutuk dalam puisi tersebut. Ragam tragedi lainnya yang lebih ringan untuk dicerna oleh pelajar dengan pertimbangan usia dan gender, tatanilai atau lainnya, tentu dapat diusahakan. Pengajaran sastera tragedi, dalam puisi atau drama, pada prinsipnya haruslah memupuk rasa belas kasihan yang bersifat timbal balik pada diri pelajar, sebagaimana yang dicatat oleh Golden (1981:118): “Tragedi diandaikan menimbulkan simpati kerana nampaknya tidak disangka-sangka dan digeruni kerana kita (penonton) bimbang akan menimpa kita pula\*.”

Dengan demikian, yang penting bagi pelajar ialah media pembelajaran dan metodologi yang sesuai bagi mereka untuk memahami model bahasa dan wacana (teks) sastera dengan tema dasar yang telah berkembang, untuk mencapai kesan emosi dan intelektual dalam penghayatan sastera.

## **DIMENSI TRADISI KEMANUSIAAN**

Pada dimensi ini pelajar dibawa ke dalam tradisi sastera sebagai khazanah budaya bangsa agar dapat berhubung dan mengenal hasil kegiatan cipta sastera sepanjang zaman dan angkatan, dan perlu diupayakan untuk mengenal juga sastera terjemahan dan sastera dunia atau daerah, serta hal yang baru. Hal ini penting untuk memberi peluang, agar pelajar tidak terkongkong dalam mempelajari semata-mata antologi puisi, fragmen novel, atau buku tertentu sahaja. Kegiatan cipta dan karya sastera itu juga terdapat di majalah dan surat khabar nasional terkemuka, yang dengan setia menaruh perhatian terhadap perkembangan cipta dan pemikiran tentang sastera terutama sastera rumpun Melayu. Di bidang sastera, penulisan puisi, prosa fiksiyen, dan drama biasanya terlebih dahulu diterbitkan dalam majalah dan surat khabar tersebut sebelum ada yang dicetak dan diterbitkan sebagai buku sastera. Begitu juga fikiran mengenai sastera berupa kritik dan esei yang sangat bermanfaat bagi khalayak sastera dan pada penulis sastera sendiri. Tradisi sastera juga mencakupi kegiatan penghayatan berbagai-bagai aktiviti seni seperti deklamasi puisi, pementasan drama dan teater pada peringkat daerah ataupun nasional. Kegiatan seperti itu juga boleh dilakukan di sekolah ataupun di universiti.

Ketelitian, kesabaran dan wawasan guru amat perlu dalam menghadapi keterbatasan kurikulum dan program pengembangan sastera ke arah mendidik pelajar menjadi pencinta sastera yang baik.

Pendidikan sastera tidak akan bermanfaat sepenuhnya jika hanya di muatkan dalam kurikulum pelajaran dan diajar dalam kelas bahasa dan sastera sahaja. Oleh itu, kegiatan kokurikulum adalah perlu supaya dapat menjalinkan pelajar dengan tradisi penghayatan kesusasteraan yang mencakupi sastera kebangsaan dan dunia.

Dengan kata lain penyusunan program dan proses pendidikan bahasa dan sastera mempunyai sumber pada banyak wilayah, yang memberi kemungkinan yang luas pula untuk memamatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar. Dalam hubungan ini pengenalan tentang biografi pengarang dan pujangga besar kebangsaan dan dunia amat berguna bagi kemajuan sastera kebangsaan, kerana sastera wujud atas kreativiti pengarang.

Dalam pendidikan dan pengajian sastera di negara Barat, penghayatan sastera dalam kalangan pelajar bermula dari usia 12 – 18 tahun dengan memperkenalkan tradisi sastera Yunani/Latin. Pengajaran tentang kebudayaan dan sastera dunia yang relevan dengan pencarian nilai keperibadian Barat juga diajar. Latar belakang dan arah pendidikan bahasa dan sastera di Barat, dari segi positifnya boleh kita manfaatkan untuk pembentukan dan pengembangan keperibadian pelajar tanah air, seperti yang dinyatakan oleh Burton: (Burton, 1961:59). “Kajian/Pemelajaran sastera mempunyai tujuan lain, antaranya untuk membantu kehidupan estetik individu dan untuk memperkenalkan setiap orang dengan warisan budayanya”. Di samping itu juga dinyatakan: (Burton, 1961:11–12). “Bahawa berhubungan dengan tradisi sastera tidak dapat dibatasi dalam pengertian hanya berkenalan dengan para pengarang dan judul karangannya. Apa yang paling penting adalah mengenal gagasan yang telah menyita waktu manusia selama berabad-abad, iaitu tentang manusia berhadapan dengan alam; kekuatan fizikal melawan kecerdasan mental; keperibadian melawan kepasrahan. Pengajian sastera yang memperkenalkan sesuatu kepada pelajar tentang cara penyelesaian permasalahan dengan mendekati pelajar dengan tradisi sastera.”

Gagasan manusia mengenai ketiga-tiga masalah sebagai yang dirumuskan oleh Burton tersebut dalam kenyataannya bersesuaian dengan sejumlah karya sastera, sekurang-kurangnya di Indonesia, dengan permasalahan dan tema dalam prosa fiksi: “manusia dan penderitaan” (*Azab dan Sengsara*, Merari Siregar, 1920), “manusia dan ketakutan” (*Jalan Tak Ada Ujung*, Mochtar Lubis 1952), “manusia dan kekuasaan/kekuatan” (*Robohnya Surau Kami*, A.A. Navis, 1956). Puisi yang kaya dengan permasalahan dalam hubungan

formula tersebut misalnya dalam kumpulan puisi (*Perjalanan Bu Aminah*, W. S. Rendra, 1997), dan puisi Melayu dalam masalah “manusia menghadapi Tuhan” dalam kumpulan puisi (*Nyanyi Sunyi* Amir Hamzah, 1937).

## DIMENSI BENTUK

Sastera mempunyai berbagai-bagai genre, sehinggakan pengajaran sastera kepada pelajar mencakupi kajian tentang bentuknya. Sebagaimana guru mempelajari modus penyampaian, gagasan, konsep, dan kesan emosi mahupun intelektual dalam cerita fiksiyen, puisi, dan drama, para pelajar juga memperoleh kesempatan yang sama untuk mempelajari, dalam proses penghayatannya. Sarana sastera merupakan tempat penyampaian modus, gagasan, dan konsep dan tempat penghasilan kesannya.

Sesuai dengan tahap pendidikan pada masa usia perkembangan, maka kesedaran terhadap fungsi bentuk dalam sastera akan berlaku secara bertahap misalnya tentang jalan cerita dan plot dalam prosa fiksiyen, dan implikasi makna dan mesej dalam perlambangan puisi moden. Meskipun demikian masih juga perlu dilakukan pilihan dan pembatasan untuk tidak tergesa-gesa menggunakan novel yang rumit baik mengenai masalah kehidupan mahupun struktur ceritanya, misalnya novel Iwan Simatupang (*Kering*), Linus Suryadi (*Pengakuan Pariyem*), Umar Kayam (*Para Priyayi*).

Daripada aspek kreativiti yang dapat menimbulkan kesan keindahan, James Joyce dalam *A Portrait of The Artist as a Young Man* (Grace, 1965:17) mengemukakan teori tentang: (1) kepaduan unsur, (2) keharmonian hubungan antara unsur untuk suatu keperluan, dan (3) keperibadian dan keunikan karya. Dengan kata lain ketiga-tiganya menjadi prasyarat bagi suatu bentuk seni termasuk sastera, sebagai *artistic text* (Lotman, 1977), sebagai *verbal art* atau sebagai *verbal aesthetic* (Hasan, 1989).

Dalam dunia pendidikan wawasan teoritis itu boleh menjadi pertimbangan guru dalam proses pemilihan dan perancangan bahan pembelajaran, namun dalam proses pemelajarannya yang diutamakan adalah tindak balas pelajar terhadap sastera. Tindak balas pelajar itu baik individu mahupun berkumpulan, harus dijadikan pertimbangan utama untuk penghayatan mereka terhadap bentuk: korelasi unsur yang membina satu kesatuan dan keutuhan genre. Ini terlaksana melalui pemilihan dan penataan kata dalam melukiskan imej fakta menjadi konkrit, perbandingan dan metafora yang menciptakan latar menjadi hidup, penuturan dalam sudut pandangan, penggambaran mengenai gerak dan suara dalam dialog watak cerita, dan struktur sintaksis morfosintaksis yang berkesan penggunaan bahasanya. Di samping

itu, manipulasi prosodi juga penting bagi menjadikan puisi menjadi lunak, serta tipografi yang menjadikan puisi kelihatan visual. Ini semua dapat menyedarkan pelajar bahawa sastera merupakan suatu karya seni bahasa yang khas yang selayaknya dihargai.

Betapa pun, bentuk kesusasteraan merupakan sesuatu yang maujud, yang boleh dibaca baik pada tataran sintaktik fonetik mahupun fonemik, terutama pada puisi yang berkaitan dengan masalah prosodi. Sekurang-kurangnya boleh dikatakan bahawa bentuk sastera berkaitan dengan masalah bagaimana bahasa diolah secara kreatif untuk membangkitkan keseronokan membaca meskipun belum sampai pada tataran makna, seperti yang dicatat oleh Grace (1965: 68) dalam masalah tahap pemaknaan hasil karya sastera. Daiches (1986:66–68) telah mengulas *Form and Content* mengenai dunia kepenyairan daripada pandangan Sir Philip Sidney dan William Wordsworth, dan menyatakan bahawa bentuk adalah “Kualiti yang memberi keseronokan kepada pembaca tanpa mengira kualiti isi, terhasil dari cara bagaimana bahasa diolah/ digunakan.” Apa yang dimaksud dengan “bahasa yang diolah dan digunakan” itu merujuk kepada dua kepentingan iaitu: (1) pengetahuan moral dari kehidupan sosiobudaya manusia yang sangat luas, yang akan menjadi inti sastera, dan (2) potensi yang luar biasa dari dalam diri sasterawan untuk menyatakannya dalam gaya bahasa yang hidup dan memberi keseronokan.

## OPERASI PEMELAJARAN SASTERA

Masalah operasi pemelajaran sastera dalam kelas adalah untuk menyediakan kemudahan agar pelajar usia remaja (12–15 tahun; dan 15–18 tahun) memperoleh kesempatan dan pengalaman belajar sastera dengan baik sesuai dengan kompetensi dan tuntutan prestasinya. Apabila segala sarana pemelajaran cukup dan pendekatan pemelajarannya tepat, kerana guru tahu apa yang harus dilakukan, maka pemelajaran sastera tidak akan mengalami kehampaan. Hal ini berkaitan dengan perancangan pemelajaran yang fleksibel apabila guru dapat mengelolakan suasana pemelajaran yang kondusif untuk kegiatan penghayatan dan tanggapan terhadap karya sastera yang menuntut pemikiran, imaginasi, dan kreativiti pelajar. Dengan menyetujui saranan James Moffett, J. N. Hook (1982:46) menyatakan: “Guru harus mempunyai perencanaan bukan satu perencanaan. Pemelajaran lebih mantap apabila pelajar mempunyai kesempatan untuk menentukan sendiri mengapa mereka memerlukan keterampilan tertentu atau mempelajari selok-belok tertentu, hubungan, dan gagasan utama.”

Pelajar baik lelaki mahupun perempuan semestinyalah memiliki

keghairahan yang sama dalam menyambut karya sastra melalui pembicaraan yang luas, yang diprogramkan dari tema kemanusiaan dalam berbagai-bagai ragam genre puisi, prosa fiksi dan drama. Minat dan timbal balas yang sama terhadap karya sastra adalah perlu kerana sastra merupakan artifak, (suatu hasil kepandaian pengarang mengolah potensi bahasa dan pengalaman hidup untuk tujuan estetik), yang mempunyai keunikan tertentu dan sastra juga berperanan sebagai warisan budaya bangsa. Sambutan terhadap sastra sebagai artifak dan warisan budaya bangsa akan mencakupi potensi kognitif, efektif, dan psikomotor dalam penghayatannya. Oleh itu, pemelajarannya memerlukan perancangan dan pengelolaan yang baik dengan mempertimbangkan beberapa faktor berkait.

Perancangan dan operasi pengajaran sastra yang demikian itu perlu mempertimbangkan enam faktor berikut: (1) tujuan pembelajaran, (2) sifat dan ciri sastra sebagai bidang pengajian; (3) latar belakang kehidupan sosiobudaya pelajar yang pelbagai, (4) suasana kelas pembelajaran, (5) pandangan masyarakat terhadap sastra, dan (6) strategi dan metodologi pengajaran.

## **TUJUAN PEMELAJARAN SASTERA**

Tujuan pembelajaran sastra berkaitan rapat dengan pencapaian kemampuan dan keterampilan tertentu sesuai dengan ciri sastra, dan berkaitan pula dengan sifat dan peningkatannya dalam perancangan pembelajaran yang formal dan terukur bagi semua individu.

Di samping itu, sifat dan ciri sastra sebagai karya seni yang terdiri daripada puisi, prosa fiksi, dan drama perlu diintegrasikan pembelajarannya dengan keterampilan berbahasa seperti menyimak, berbicara, membaca, dan menulis melalui penghayatan, tanggapan dan pengungkapan sastra. Kegiatan menyimak, berbicara, dan membaca boleh dilakukan secara berkelompok, sementara kegiatan menulis, menanggapi dan mengungkap imej sastra dapat dilakukan secara individu. Dalam hal ini latar belakang sosiobudaya pelajar sangat berpengaruh terhadap cara dan hasil pembelajaran mereka.

Latar belakang kehidupan sosiobudaya pelajar yang berkaitan rapat dengan motivasi pelajar boleh dibentuk dengan memerhatikan kemampuan individu secara objektif. Di dalam kelas, individu yang menunjukkan minat dan kemampuannya untuk bersastra akan menjadi pendorong dan model kepada rakan sebayanya. Misalnya untuk aspek psikomotor dan efektif mengenai kemampuan vokal dan penghayatan terhadap prosodi puisi



ataupun prosa fiksiyen.

Secara umum tujuan pengajaran sastera adalah untuk menjadikan pelajar secara tahap demi tahap menjadi pembaca yang berkeperibadian dan kritis penghayatannya. Dengan ini, mereka dapat menangkap dan merasakan isyarat bahasa sastera dan menentukan secara komperhensif dan konkrit maknanya (tekstual), serta mampu menghubungkan secara rujukan atau perbandingan dengan peristiwa kehidupan yang nyata masa lalu ataupun masa sekarang (kontekstual).

J. N. Hook (1982:126–127) menyatakan bahawa membaca sastera itu mempunyai tiga alasan yang berkaitan dan saling melengkapi: iaitu untuk hiburan, untuk memperoleh maklumat yang tak dapat diperoleh dari ensiklopedia, dan sebagai alat untuk memupuk nilai warisan budaya. Walaupun kita tidak dapat melihat ketiga-tiga aspek ini secara terpisah, namun kita dapat memperhatikannya secara tak langsung.

Di samping itu, tujuan utama pengajaran sastera termasuk drama adalah agar pelajar memperoleh kepuasan diri dalam membaca karya sastera dan teks drama atau dalam melihat persembahan drama dengan menikmati aspek mental atau pemandangan lahiriah dan keindahan bahasa sastera. Meskipun demikian mereka harus memperoleh wawasan dalam kehidupan dan mengembangkan keterampilan berfikir secara kritis.

Arah dan tujuan yang diformulakan oleh Hook menunjukkan bahawa aktiviti pemelajaran sastera itu terletak pada membaca secara aktif dan kreatif, dan akan berkait pula dengan kegiatan menyemak, berbicara, dan menulis untuk melahirkan tindak balas pelajar terhadap puisi atau cerita fiksiyen yang dibacanya termasuk naskhah drama yang dipentaskan di sekolah. Dengan ini pemelajaran secara berkumpulan membolehkan pelajar memperoleh kesempatan untuk belajar memahami sesuatu dari sastera melalui kerjasama antara individu untuk meningkatkan kemampuan berfikir dan menjadikan mereka pelajar yang beraspirasi. Pemelajaran sastera dengan demikian akan menjadi hidup dan menarik kerana mungkin berlaku tindak balas yang berbagai-bagai.

Satu lagi aspek penting ialah, pemelajaran sastera perlu memberi kesempatan kepada pelajar untuk memperoleh kenikmatan estetik dari potensi intrinsik mahupun ekstrinsik teks sastera dari pelbagai jenisnya. Selanjutnya kenikmatan estetik menjadi lebih penting jika dikaitkan dengan pemerolehan nilai gagasan tentang perkembangan budaya bangsa, kebermakaan sosial dan kemanusiaan yang terkandung dalam teks sastera yang terpilih, dan terancang dengan pertimbangan yang relevan.

Dengan demikian pengelolaan pemelajaran sastera dapat dipilih menjadi:

(1) pengelolaan pembelajaran puisi, (2) pengelolaan pembelajaran prosa fiksi, dan (3) pengelolaan pembelajaran drama, masing-masing dengan cirinya agar dapat dihayati dan direspons pelajar dengan mengingat struktur dan dimensi pembelajaran sebagai yang telah dibicarakan di muka.

## SIFAT DAN CIRI PENGAJARAN SASTERA

Pengajaran sastra adalah sastra yang dipilih dan disusun serta diprogramkan untuk kepentingan pembelajaran, dengan beberapa pertimbangan yang di satu pihak mesti berfokus pada bahan sastra yang menjadi bacaan pelajar. Di pihak lain sastra sebagai karya seni dan warisan budaya bangsa mesti diperkenalkan dan difahami oleh pelajar kerana manfaatnya yang menyentuh berbagai-bagai arah terutama dalam pembelajaran bagi masing-masing individu pelajar, sebagaimana pandangan M.H. Abrams tentang empat titik arah: penulis, realiti semesta, bentuk sastra, dan pembaca, sebagai situasi sastra secara menyeluruh (Teeuw, 1984:50). Kesan emosi dan intelektual sebuah teks sastra yang dibaca bergantung pada keadaan kedua-duanya: pada pelajar dan juga pada kualiti/potensi sastranya, yang sangat dipengaruhi pula oleh kemudahan pembelajaran, sarana dan prasarana serta keterampilan guru, dan pada latar belakang psikologi dan sosiobudaya masing-masing individu pelajar.

Di Barat ada kebimbangan antara penggunaan antologi (kumpulan karya sastra terpilih, terutama puisi epigram) dengan perencanaan guru sendiri (Burton, 1964:53), sekiranya tidak dilakukan secara profesional dengan pertimbangan pembelajaran. Apabila hanya mengandaikan antologi sebagai media pembelajaran, maka proses pembelajaran akan mengalami kesulitan kerana biasanya antologi disusun semata-mata berdasarkan kepentingan nasional dan pertimbangan dunia sastra. Di Indonesia terdapat antologi *Cerita Pendek Indonesia 1, 2, 3, 4 Tahun 1984* (Hoerip) terbitan Pusat Bahasa yang dilengkapi riwayat singkat setiap pengarang. Antologi tersebut memadai jika penerapannya menggunakan pertimbangan pembelajaran bagi kepentingan sastra dan dunia nyata kehidupan remaja. Antologi yang hanya berisi fragmen novel hendaknya dimanfaatkan sebagai pemicu untuk membaca keseluruhan bukunya.

Pemilihan, perencanaan, dan perancangan program sastra menjadi pengajaran sastra tidak mengurangi sedikit pun nilai karya seni dan budaya kerana sastra yang dipilih tetap utuh dan penyikapan masing-masing karya dalam proses pembelajaran tetap menggunakan pendekatan sebagai suatu karya seni. Pemilihan, perencanaan, dan perancangan tersebut dilakukan

untuk kesesuaiannya dengan tahap pengalaman hidup, kematangan berfikir dan sensitiviti emosi pelajar yang secara bertahap boleh mengembangkan kemampuan penghayatan sebarang jenis karya sastera. Pemikiran tersebut perlu dikembangkan dan dilakukan dengan memerhatikan tema, jenis, modus penyampaian, dan kronologi sastera. Berdasarkan keempat-empat aspek ini sebagai asas pertimbangan pemilihan, dalam perencanaan program sastera, masalah meningkatkan penghayatan terhadap prosa fiksiyen dapat dilakukan melalui pendekatan stilistika. Penonjolan nilai kemanusiaan juga boleh menjadi sebahagian daripada kriteria utama dalam pemilihan buku sastera dengan merujuk kepada nilai kesusasteraannya dan kematangan teknik penceritaan atau keputisan dan keindahan bahasa teks. Pertimbangan fungsi sastera ke arah peningkatan tataberhubungan kemanusiaan untuk kepentingan perbincangan tematis dan amanat dalam proses pemelajaran juga mesti berdasarkan nilai kesusasteraan, kedayaciptaan, dan keputisan tersebut.

Dengan demikian buku sastera yang disediakan di sekolah perlu disesuaikan agar memberi kesempatan kepada pelajar agar mereka dapat membaca dan mempelajari pelbagai mesej yang mungkin diperoleh daripada cerita fiksiyen atau puisi, misalnya untuk memperoleh: (1) kesan, kesenangan melalui kelucuan tertentu, imej tertentu, gaya dan kelancaran bahasa, (2) nilai gagasan tentang hidup, (3) satirisasi tentang peristiwa kehidupan tertentu, (4) pengetahuan dan wawasan tentang watak manusia, (5) dramatisasi emosi dalam konflik watak.

Fiksiyen sejarah, psikologi, dan sosiologi juga menjadi sebahagian daripada pertimbangan pemilihan dan pengelasan buku fiksiyen pemelajaran dengan mengambil kira bahawa sastera bukanlah sejarah, psikologi, ataupun sosiologi. Dengan catatan bahawa misalnya novel psikologi seperti *Belunggu* (Armijn Pane) dan *Jalan Tak Ada Ujung* (Mochtar Lubis) terlalu sukar untuk dibicarakan secara mendalam permasalahannya daripada aspek psikologi sastera. Aspek sejarah masih boleh dibicarakan pada novel *Jalan Tak Ada Ujung*, dan aspek sosiologi pada novel *Belunggu*, tetapi aspek masalah psikologi kemanusiaan wataknya yang rumit tidak perlu diambil sebagai tajuk utama pemelajaran dalam kalangan pelajar lingkungan usia 16–18 tahun; apatah lagi dalam kalangan pelajar lingkungan usia 12–15 tahun.

Mengenai pandangan masyarakat terhadap sastera dan buku sastera biasanya berkeberatan pada aspek moral kerana perlu mendapat perhatian guru. Misalnya masalah gambaran ketidaksetiaan dan kecurangan watak dalam novel *Belunggu* (Tini, Tono, Yati/Yah) dan terutama pada novel *Jalan*

*Tak Ada Ujung* (Hazil, Fatimah, Guru Isa). Kedua-dua aspek ini boleh menjadi bahan perbincangan dalam kelompok campuran antara pelajar lelaki dengan perempuan pada tahap usia 17–18 tahun sebagai langkah pembelajaran pada tahap awal untuk pemahaman sastera fiksyen novel dewasa secara lebih kritis pada suatu masa kelak. Perlulah disediakan teks sastera (prosa fiksyen, puisi, drama) yang daripadanya dapat diambil tajuk perbincangan yang sesuai bagi pelajar remaja misalnya: cinta kasih, hubungan keluarga, nilai moral, sosiobudaya dan agama. Betapa pun juga perlu diupayakan tersedianya buku sastera untuk dapat dilakukan pembahasan secara tematis dalam pembelajaran sastera secara seimbang, dengan tujuan utama pembelajaran adalah untuk membangkitkan pengalaman estetika melalui bahasa teks sastera dan imej kesusasteraan yang korelatif dengan pengalaman hidup pelajar yang remaja.

Pemelajaran prosa fiksyen termasuk drama dan puisi dapat dilaksanakan dengan terdapatnya buku dan teks sastera yang sesuai untuk suasana pembelajaran yang memungkinkan pelajar dapat melakukan penyelidikan penghayatan mengenai hubungan antara unsur dalam prosa fiksyen: (1) latar, (2) gaya bahasa, (3) perwatakan dalam berbagai-bagai perangai, dan (4) pelbagai plot. Tercakup pula kajian tentang kesan unsur ini pada tema, dan pertimbangan kualiti kesusasteraan yang lain terutama pada puisi misalnya diksi, prosodi, imejan, perlambangan, ironi, paradoks dan suara pengarang pada prosa fiksyen dengan model sudut pandangan dan pada puisi dengan lirik implisit mahupun eksplisit.

Perancangan secara kronologi memberi kesempatan kepada pelajar dalam memahami sejarah perkembangan penulisan sastera: penampilan sosiobudaya, tema kemanusiaan, falsafah pengarang, perkembangan kosa kata dan gaya penulisan, termasuk pencerminan dan idealisasi watak dan sifat manusia pada zamannya, serta struktur sastera baik novel, cerpen, drama, mahupun puisi. Perancangan secara kronologi atau sejarah ini sebenarnya merupakan suatu pendekatan yang mengupayakan sesuatu agar pelajar tidak miskin kesedaran sejarah dalam proses pembelajarannya, sebagaimana yang dikatakan oleh Fowler (1965:226): *that the students completely and appallingly lack any historical sense in the study of literature*. Pendekatan ini hendaknya menghindari pembelajaran yang hanya semata-mata memberi maklumat tentang nama pengarang, judul buku, dan tahun penerbitan, tanpa membaca lebih dari hanya fragmen singkat dalam antologi daripada membaca karya pengarang sebagai novelnya yang utuh. Penggunaan antologi novel dalam pembelajaran perlu ditekankan pada keutuhan novelnya, kerana dari keutuhan novel itu banyak aspek yang dapat

dibicarakan dalam proses penghayatan secara kritis.

## KESIMPULAN

Pengajaran dan pemelajaran sastera dalam kalangan pelajar usia antara 12–18 tahun (usia remaja) bertujuan untuk menjadikan mereka calon pembaca yang mahir dan menghayati secara kritis, mencintai dan menghargai buku-buku sastera yang disifatkan sebagai artifak dan warisan budaya bangsa. Sesuai dengan perkembangan usianya, mereka diharapkan mampu memahami secara komprehensif akan karya sastera yang dibacanya dan mengambil manfaat bagi pengembangan diri mereka, dalam peradaban dan budaya masyarakat bangsanya.

Pendidikan dan pemelajaran sastera bagi pelajar usia remaja memerlukan pemilihan buku, perencanaan dan perancangan dengan mempertimbangkan faktor latar belakang sosiobudaya pelajar, tradisi sastera, waktu pemelajaran, pandangan masyarakat, serta kemudahan suasana pemelajaran.

Pengajaran sastera perlu distrukturkan dengan mempertimbangkan tema dasar kemanusiaan yang selalu berulang, yang tampak pada hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, manusia dengan alam, dan manusia dengan dirinya sendiri, dengan mengenal pasti modus penyampaiannya: romantik, komik, tragik, ironik, dan realistik pada genre prosa fiksi, puisi, dan drama. Penstrukturan pengajaran sastera itu perlu pula diarahkan secara definitif pada dimensi pengembangan, dimensi tradisi kemanusiaan dan dimensi bentuk.

Pengelolaan pemelajaran sastera yang mencakupi pemelajaran prosa fiksi, puisi dan drama harus merujuk kepada peringkat nasional dan universal, strategi dan metodologi pemelajaran spesifik yang telah dipilih dengan memerhatikan perkembangan pelajar dan situasi lingkungan pemelajaran terhadap topik dan tema pengajaran sasteranya.

## RUJUKAN

- Burton, Dwight L., 1964. *Literature Study in The High Schools*. Revised edition. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Chapman, Raymond, 1973. *Linguistics and Literature. An introduction to literary stylistics*. Edinburgh; London: T & A, Constable Ltd.
- Daiches, David, 1981. *Critical Approaches to Literature*. 2<sup>nd</sup> edition. London: Longman.
- Eneste, Pamusuk, 1986. *Chairil Anwar Aku Ini Binatang Jalang*. Jakarta: PT. Gramedia.

- Fowler, Mary Elizabeth, 1965. *Teaching Language, Composition, and Literature*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Frey, Northrop, 1969. *Anatomy of Criticism*. New York: Atheneum.
- Golden, Leon dan Hardison, O.O. Jr., 1981. *Aristotle's Poetics. A Translation and Commentary for Student of Literature*. Florida: University Press of Florida.
- Hasan, Ruqaiya, 1989. *Linguistics, Language, and Verbal Art*. Oxford: Oxford University Press.
- Hoerip, Satyagraha, 1984. *Cerita Pendek Indonesia (1, 2, 3, 4)*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Hook, J.N. Evans, William H., 1982. *The Teaching of High School English*. 5<sup>th</sup> edition. New York: Macmillian Publishing Company.
- Jassin, H. B., 1959. *Chairil Anwar Pelopor Angkatan 45*. Jakarta: Gunung Agung.
- Kennedy, X. J., 1966. *An Introduction to Poetry*. Boston: Little, Brown and Company.
- Lotman, Juritj, 1977. *The Structure of The Artistic Text*: University of Michigan.
- Lubis, Mochtar, 1958. *Jalan Tak Ada Ujung*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Nadjib, Emha Ainun, 1993. *Sesobek Buku Harian Indonesia*. Yogyakarta: Bentang Intervisi Utama.
- Rendra, W. S., 1961. *Empat Kumpulan Sajak*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Rendra, W. S., 1997. *Perjalanan Bu Aminah*. Jakarta: OBOR.
- Simatupang, Iwan, 1972. *Kering*. Jakarta: PT. Gunung Agung.
- Teeuw, A., 1986. *Sastra dan Ilmu Sastra*. Jakarta: Pustaka Jaya. Malang, 12 Juli 2002.